

KUALA LUMPUR, 4 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASIH TERDAPAT BANYAK RUANG UNTUK MENINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DAN INDIA.

KATANYA, INI DAPAT DILAKUKAN MELALUI PELABURAN, PERDAGANGAN, PELANCONGAN DAN PERTUKARAN KEBUDAYAAN BAGI MEMUPUK PERSEFAHAMAN DAN MEMPERKUKUHKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA.

BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN MALAM BAGI MERAIKAN PERDANA MENTERI INDIA, ENCIK V. P. SINGH DI SRI PERDANA DI SINI MALAM INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SAMPING HUBUNGAN RAPAT, KEDUA-DUA NEGARA SENTIASA SALING HUBUNG-MENGHUBUNGI DAN BEKERJASAMA RAPAT MENGENAI BEBERAPA ISU ANTARABANGSA.

MENGENAI PERUBAHAN YANG BERLAKU DI SELURUH DUNIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +SEDANG KEADAAN DUNIA NAMPAKNYA KINI LEBIH AMAN, KITA TIDAK SEHARUSNYA ALPA BAHAWA SEMUANYA AKAN SELAMAT+.

+KEZALIMAN DAN PENGANIAYAAN MASIH WUJUD DI AFRIKA SELATAN, PALESTIN DAN BEBERAPA TEMPAT LAGI. KEMISKINAN DAN PENYAKIT MASIH MEREBAK SEPERTI DAHULU DI SEBAHAGIAN BESAR DUNIA DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MASIH TIDAK TERLEPAS DARIPADA MENANGGUNG BEBANAN HUTAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI
2300MST 04 06 90

D851

R B160 BAH
MAHATHIR - INDIA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SENTIASA BERSEEDIA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN INDIA DALAM USAHA Mencari PENYELESAIAN KEPADA PELBAGAI MASALAH YANG TERUS MENGHANTUI DUNIA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA INDIA MEMPUYAI SATU TRADISI DALAM MENGHASILKAN NEGARAWAN YANG BERKEMAMPUAN MENGAMBIL DAYA USAHA UNTUK MENYELESAIKAN KEKACAUAN DUNIA DAN MEWUJUDKAN KEAMANAN YANG SAKSAMA.

+INDIA SERING BERUSAHA KE ARAH MEWUJUDKAN KESTABILAN ANTARABANGSA DAN SUMBANGANNYA KEPADA DUNIA MEMBANGUN ADALAH SALAH SATU DARIPADANYA. -- BERNAMA
2302MST 04 06 90

D854

R B161 BAH
MAHATHIR - INDIA 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN KEPADA BERITA AWAL)

ENCIK SINGH DALAM UCAPANNYA MENEGASKAN BETAPA PERANAN PENTING DIMAINKAN OLEH MALAYSIA PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) DI SINI BARU-BARU INI YANG BELIAU SIFATKAN HAMPIR MENCAPAI MATLAMAT NEGARA-NEGARA SELATAN.

BELIAU JUGA MEMUJI MALAYSIA KERANA KECEKAPANNYA BERJAYA MENIKMATI PEMBANGUNAN DENGAN PESAT DAN KINI MENUJU PULA KE ARAH MENJADI NEGARA PERUSAHAAN DAN BERDIKARI.

MENGENAI HUBUNGAN INDIA-MALAYSIA, PERDANA MENTERI INDIA ITU BERKATA NEGARANYA BANYAK BERGANTUNG KEPADA MASYARAKAT MALAYSIA DAN KEDUA-DUA NEGARA MERUPAKAN RAKAN PERNIAGAAN YANG BAIK.

MENGENAI PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, ENCIK SINGH BERKATA PERANAN AKTIF DAN SUMBANGAN MALAYSIA KEPADA PERTUBUHAN ITU MENCERMINKAN KEZAMANNYA MAHU MELIHAT KEDAULATAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA TERJAMIN.

ENCIK SINGH AKAN BERLEPAS PULANG KE INDIA ESOK SETELAH MELAKUKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE MALAYSIA SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK G-15 YANG TAMAT PADA Hujung MINGGU. -- BERNAMA